



• **KENYATAAN AKHBAR**

01 Februari 2016

Untuk Siaran Segera

WAKAF SELANGOR MUAMALAT MENYUMBANGKAN MESIN ULTRASOUND KEPADA HOSPITAL SULTANAH AMINAH, JOHOR BAHRU

Johor Bahru, Isnin, 1 Februari 2016: Wakaf Selangor Muamalat hari ini telah menyumbang sebuah mesin ultrasound kepada Hospital Sultanah Aminah dalam satu majlis yang telah disempurnakan oleh DYMM Raja Zarith Sofiah binti Almarhum Sultan Idris Shah, Permaisuri Johor, di Hospital Sultanah Aminah.

Sumbangan mesin ultrasound yang telah diberkenan oleh DYMM Raja Zarith Sofiah binti Almarhum Sultan Idris Shah, Permaisuri Johor, Penasihat DiRaja Bulan Sabit Merah Malaysia merupakan hasil usahasama pihak Bulan Sabit Merah Malaysia, Jawatankuasa Khidmat Kemasyarakatan yang dipengerusikan oleh YAM Tunku Idris Ibni Sultan Ibrahim, Tunku Temenggong Johor sentiasa bersedia memberi sokongan kepada hospital dalam apa juar cara melalui sumbangan pihak Agensi Bukan Kerajaan (*Non-Governmental Organizations [NGO]*).

Sewaktu di dalam majlis tersebut, DYMM Raja Zarith Sofiah binti Almarhum Sultan Idris Shah, Permaisuri Johor telah berkenan menyerahkan sumbangan mesin *ultrasound* daripada Bank Muamalat Malaysia Berhad kepada Pengarah Hospital Sultanah Aminah, YBrs. Dr. Hjh. Roosaimi Merican binti A.Rahim Merican.

Ketua Pegawai Eksekutif Bank Muamalat Malaysia Berhad, YBhg. Dato' Mohd Redza Shah Abdul Wahid yang turut hadir ke majlis berkenaan telah memaklumkan bahawa "Wakaf Selangor Muamalat telah berusia lebih daripada tiga tahun. Dengan saiz dana yang terhad, Wakaf Selangor Muamalat komited mencari penerima yang layak dan berusaha membesar dana supaya lebih ramai penerima mendapat manfaat daripada wakaf ini".

"Sumbangan mesin ini diharap sedikit sebanyak dapat membantu pihak hospital dengan memberi faedah kepada pesakit yang memerlukannya. Adalah diharapkan, golongan ini dapat menyampaikan mesej mengenai keindahan amalan berwakaf kepada masyarakat setempat. Selain menyampaikan amanah para pewakaf, sumbangan ini juga dapat mengeratkan hubungan Wakaf Selangor Muamalat dengan NGO".

YBrs. Pengarah HSAJB telah merakamkan ucapan terima kasih di atas sumbangan mesin tersebut yang sedikit sebanyak akan membantu pihak hospital diantaranya untuk memantau perkembangan bayi di dalam rahim, dapat mengesan pertumbuhan bayi yang tidak normal lebih awal serta mengesan penyakit wanita seperti fibroid, endometriosis dan ovarian cyst dengan lebih awal dan seterusnya dapat memulakan rawatan seawal mungkin.

Pihak hospital juga sentiasa mengalu-alukan pihak NGO lain yang berminat untuk membuat sumbangan kepada wad-wad di HSAJB.

YBhg. Ketua Pegawai Eksekutif Bank Muamalat Malaysia Berhad turut memaklumkan bahawa Wakaf Selangor Muamalat adalah program kutipan dan agihan dana wakaf tunai yang telah dilancarkan pada 27 September 2012. Ia merupakan satu perkhidmatan yang ditubuhkan dengan usahasama di antara Bank Muamalat Malaysia Berhad dan Perbadanan Wakaf Selangor. Ia bertujuan untuk memberi kemudahan kepada pelanggan Bank serta orang awam untuk berwakaf. Sumbangan wakaf ini akan diagihkan kepada dua sektor iaitu pendidikan dan kesihatan.

"Sehingga Disember tahun lepas, Wakaf Selangor Muamalat telah menyumbang sebanyak RM 1,918,245.58 dalam bidang pendidikan dan kesihatan. Sumbangan kepada pendidikan termasuklah menaik taraf bangunan sekolah, van, dan projektor. Sumbangan dalam bidang kesihatan pula adalah seperti klinik bergerak, mesin dialisis, tangki simpanan nitrogen, dan lain-lain peralatan perubatan." katanya lagi.

Selain itu, dana ini juga disalurkan ke sektor pelaburan bagi mengembangkan nilai dana wakaf. Bank Muamalat melalui rangkaian cawangannya di Malaysia telah mengumpul dan menguruskan dana wakaf bersama-sama dengan Perbadanan Wakaf Selangor. Para penyumbang dana ini layak mendapat potongan cukai 7% dari pendapatan agregat individu dan 10% bagi korporat.

- Tamat -